

## DARI REFLEKSI KE KUALITI: PERANAN QUICK WINS DALAM PEMBUDAYAAN KAJIAN TINDAKAN OLEH GURU BESAR SEKOLAH RENDAH

Azlin Moktar

\*Bity Salwana Alias

Nurazidawati Mohamad Arsad

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

\*bity@ukm.edu.my

### ABSTRACT

The culture of action research led by head teachers (Reflective Instructional Leadership, KI-reflektif) is a key strategy for enhancing teacher professionalism and instructional quality. Although transformational leadership has been widely studied, the role of the Quick Wins dimension within reflective leadership remains underexplored. This study aims to develop and validate an empirical model explaining the relationship between head teachers' action research culture and primary school teacher quality in Malaysia. Through a quantitative survey with a correlational design, data were collected from 481 teachers across 50 primary schools selected through stratified multistage sampling. The 45-item instrument was developed based on Kotter's (1996) Change Management Theory, Schon's (1983) Reflective Practice Theory, Allen and Meyer's (1991) Commitment Model, and Spencer and Spencer's (1993) Competency Theory, validated through Rasch and Confirmatory Factor Analysis (CFA) using SmartPLS 4.1.1.2. Findings from Partial Least Squares Structural Equation Modeling (PLS-SEM) revealed that only the Quick Wins dimension had a significant positive influence on teacher quality ( $\beta = 0.129$ ,  $p < 0.001$ ;  $R^2 = 0.226$ ). Hence, early success in action research is a catalyst for professional reflection and competency growth. Theoretically, this study integrates Kotter's Change Management Theory and Schon's Reflective Practice Theory, while practically reinforcing Malaysia's SKPMg2, KOMPAS 2.0, and SGM 2.0 standards. It is recommended that Quick Wins be institutionalized as a reflective leadership strategy in the training of head teachers by the Aminuddin Baki Institute (IAB) and in continuous professional development (CPD) initiatives under the Ministry of Education Malaysia (MOE).

**Keywords:** *Reflective leadership, action research culture, Quick Wins initiative, teacher quality, primary schools.*

### PENGENALAN

Kepimpinan sekolah merupakan faktor penentu kepada keberkesanan organisasi pendidikan dan peningkatan kualiti guru. Pemimpin sekolah yang berkesan berperanan bukan sekadar mentadbir, tetapi bertindak sebagai peneraju pembelajaran yang membimbing guru ke arah refleksi profesional dan inovasi pengajaran. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025 menegaskan bahawa keberhasilan sistem pendidikan bergantung kepada keupayaan pemimpin sekolah memacu pembangunan profesional guru serta memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP) sentiasa meningkat (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2013). Keputusan ini sejajar dengan dapatan Hallinger dan Murphy (1985) serta Hallinger et al. (2013) yang membuktikan bahawa kepimpinan

instruksional berasaskan refleksi dan maklum balas profesional memberi impak signifikan terhadap motivasi, komitmen dan prestasi guru.

Kajian tempatan turut menegaskan peranan penting kepimpinan sekolah terhadap keutuhan profesionalisme guru. Amirul Fahmie et al. (2025) mendapati bahawa kepimpinan transformasional guru besar berkorelasi positif dengan motivasi guru, manakala Asrul et al. (2025) melaporkan bahawa gaya kepimpinan dan personaliti pengetua mempunyai pengaruh signifikan terhadap kepuasan kerja guru. Dapatan ini menunjukkan bahawa gaya kepimpinan berasaskan inspirasi, empati dan bimbingan profesional dapat meningkatkan kesediaan guru untuk menambah baik amalan mereka secara reflektif. Namun begitu, pelaksanaan kajian tindakan sebagai pendekatan reflektif dalam pembangunan profesional masih belum menjadi budaya menyeluruh di sekolah (Romeli & Alias, 2025). Ini menegaskan keperluan terhadap kepimpinan instruksional reflektif yang lebih sistematik di mana guru besar bukan sekadar memantau prestasi PdP, tetapi menggerakkan penyelidikan amalan dan inovasi pedagogi sebagai strategi peningkatan kualiti guru.

Dalam konteks sistem pendidikan Malaysia, piawaian nasional seperti Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2), Kompetensi Pemimpin Sekolah Malaysia 2.0 (KOMPAS 2.0) dan Standard Guru Malaysia 2.0 (SGM 2.0) menegaskan bahawa kepimpinan reflektif ialah tonggak utama penambahbaikan berterusan terhadap kualiti PdP (Institut Aminuddin Baki, 2019; KPM, 2018, 2021). Pemimpin sekolah perlu membudayakan pembelajaran profesional berasaskan bukti dan refleksi sendiri melalui kajian tindakan. Dalam hal ini, inisiatif *Quick Wins* yang diketengahkan oleh Kotter (1996) menjadi strategi penting kerana kejayaan awal yang dapat dilihat memberi motivasi dan keyakinan kepada guru untuk meneruskan tindakan reflektif. Pendekatan ini sejajar dengan Teori Reflektif Schön (1983) yang menegaskan bahawa peningkatan profesional berlaku melalui kitaran refleksi dan tindakan berterusan.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk membangunkan dan mengesahkan model empirikal pembudayaan kajian tindakan oleh guru besar (KI-reflektif) yang menghubungkan kepimpinan reflektif, komitmen guru terhadap kajian tindakan, dan kualiti guru sekolah rendah. Model ini dibina berpaksikan gabungan teori Kotter (1996), Allen dan Meyer (1991), serta Spencer dan Spencer (1993), dan disepadukan dengan piawaian nasional SKPMg2, KOMPAS 2.0 dan SGM 2.0. Secara operasional, kepimpinan instruksional dalam kajian ini ditakrifkan sebagai kepimpinan reflektif berasaskan pembudayaan kajian tindakan (KI-reflektif) dengan penekanan kepada dimensi *Quick Wins* sebagai strategi perubahan berimpak segera.

### **Soalan Kajian**

Berdasarkan latar teori dan kerangka konseptual yang dibangunkan, kajian ini dirangka untuk menjawab persoalan-persoalan berikut:

1. Apakah tahap pembudayaan kajian tindakan oleh guru besar (KI-reflektif) dan tahap kualiti guru di sekolah rendah?
2. Sejauh manakah dimensi *Quick Wins* dalam pembudayaan kajian tindakan oleh guru besar (KI-reflektif) mempengaruhi kualiti guru di sekolah rendah?
3. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara pembudayaan kajian tindakan oleh guru besar (KI-reflektif) dengan kualiti guru sekolah rendah?
4. Bagaimanakah model empirikal hubungan antara pembudayaan kajian tindakan oleh guru besar (KI-reflektif) dan kualiti guru dapat menjelaskan peningkatan profesionalisme guru dalam konteks piawaian pendidikan nasional (SKPMg2, KOMPAS 2.0, SGM 2.0)?

## SOROTAN LITERATUR DAN KERANGKA TEORI

Bahagian ini membincangkan aspek berikut.

### ***Pembudayaan Kajian Tindakan oleh Guru Besar (KI-reflektif) sebagai Asas Keberkesanan Sekolah***

Pembudayaan kajian tindakan oleh guru besar (KI-reflektif) telah lama diiktiraf sebagai teras keberkesanan sekolah dan pemangkin utama pembangunan profesional guru. Hallinger dan Murphy (1985) menekankan bahawa kepimpinan instruksional yang berkesan merangkumi penetapan hala tuju pengajaran, pengurusan program PdP, dan pembinaan iklim sekolah yang menyokong pembelajaran. Dalam konteks amalan reflektif, pembudayaan kajian tindakan memperkukuh ketiga-tiga dimensi ini melalui pendekatan bimbingan berasaskan data dan tindakan berfokus kepada penambahbaikan berterusan (Hallinger et al., 2013). Di Malaysia, prinsip ini diinstitusikan melalui Kompetensi Pemimpin Sekolah Malaysia (KOMPAS 2.0) yang menekankan lima domain utama kepimpinan, termasuk kepimpinan instruksional, reflektif, dan kolaboratif (Institut Aminuddin Baki, 2019).

Kajian empirikal tempatan turut menyokong bahawa pembudayaan kajian tindakan oleh guru besar memberi kesan signifikan terhadap pembangunan profesional dan motivasi guru. Romeli dan Alias (2025) serta Rahman (2021) mendapati bahawa amalan kepimpinan instruksional berasaskan kajian tindakan meningkatkan kecekapan reflektif guru dan inovasi PdP, manakala Ahmad dan Hamid (2021) menegaskan bahawa kepimpinan distributif yang memberi tumpuan kepada bimbingan dan perkongsian maklum balas berasaskan data dapat meningkatkan efikasi sendiri guru. Dapatan-dapatan ini membuktikan bahawa guru besar yang menyediakan peluang kolaboratif, menyokong inovasi PdP dan mengamalkan refleksi berasaskan data berupaya memperkukuh motivasi serta kompetensi profesional guru. Tambahan pula, gaya kepimpinan demokratik yang menekankan komunikasi terbuka dan penglibatan bersama meningkatkan integriti, kepercayaan dan kepuasan kerja guru (Lang & Noor, 2024; Unyit & Hamzah, 2023).

Secara keseluruhannya, pembudayaan kajian tindakan oleh guru besar (KI-reflektif) yang berasaskan bimbingan dan refleksi mampu membina budaya sekolah yang belajar dan kolaboratif (Poh & Kin, 2021). Kajian lepas mengesahkan bahawa pemimpin sekolah bukan sekadar pentadbir, tetapi agen perubahan profesional yang berperanan memperkasa guru menjadi penyelidik terhadap amalan sendiri. Kesedaran reflektif ini menjadi prasyarat kepada keberhasilan strategi Quick Wins, yang menekankan kejayaan awal sebagai asas kepada perubahan berterusan (Kotter, 1996). Hal ini turut disokong oleh dapatan empirikal kajian ini yang membuktikan bahawa dimensi *Quick Wins* merupakan faktor signifikan dalam meningkatkan kualiti guru melalui kepimpinan reflektif berasaskan kajian tindakan.

### ***Komitmen Guru terhadap Kajian Tindakan***

Komitmen guru terhadap kajian tindakan merupakan faktor perantara penting yang menjelaskan bagaimana pembudayaan kajian tindakan oleh guru besar (KI-reflektif) mampu meningkatkan kualiti guru. Berdasarkan Model Komitmen Tiga Komponen oleh Allen dan Meyer (1991), komitmen afektif mencerminkan keterikatan emosi guru terhadap profesion dan sekolah, komitmen berterusan berpunca daripada kesedaran terhadap manfaat pembangunan profesional yang diperolehi, manakala komitmen normatif merujuk kepada tanggungjawab moral guru untuk kekal menyumbang kepada peningkatan kualiti pendidikan. Ketiga-tiga dimensi ini membentuk motivasi dalaman yang mendorong guru untuk terlibat secara aktif dalam proses refleksi, penyelidikan amalan dan inovasi pengajaran (Pratami & Muryatini, 2022).

Kajian Ni dan Hamzah (2023) mendapati bahawa komitmen guru meningkat apabila pemimpin sekolah menginstitusikan pembudayaan kajian tindakan melalui bimbingan profesional, ruang kolaboratif dan pengiktirafan hasil penyelidikan amalan. Guru yang komited terhadap kajian tindakan menunjukkan peningkatan dalam kecekapan reflektif, keyakinan pedagogi dan inovasi PdP (Karim et al., 2023; Unyit

& Hamzah, 2023). Dalam konteks KI-reflektif, komitmen guru berperanan sebagai jambatan antara kepimpinan reflektif dan kualiti guru, di mana keprihatinan pedagogi, maklum balas berterusan serta kejelasan matlamat PdP yang ditunjukkan oleh guru besar mendorong guru untuk terus belajar dan berkembang secara profesional. Dapatan ini mengukuhkan hujah bahawa pembudayaan kajian tindakan tidak dapat dikekalkan tanpa komitmen intrinsik guru terhadap pembelajaran reflektif. Sinergi antara kepimpinan reflektif dan komitmen guru menjadi asas kepada keberkesanan budaya sekolah yang belajar dan berfokus kualiti berterusan.

### ***Kualiti Guru dan Dimensi Kompetensi Profesional***

Kualiti guru merupakan penentu utama keberkesanan sistem pendidikan dan pencapaian murid (Darling-Hammond, 2017; Gonzalez-Roma et al., 2022). Dalam konteks Malaysia, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025 menegaskan bahawa pembangunan profesional guru perlu berasaskan refleksi sendiri dan pembelajaran berterusan (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2013). Dalam kerangka pembudayaan kajian tindakan oleh guru besar (KI-reflektif), peningkatan kualiti guru tidak hanya dicapai melalui latihan formal, tetapi melalui proses penyelidikan amalan yang membolehkan guru menilai, mengubah dan memperbaiki strategi PdP berdasarkan bukti sebenar dari bilik darjah (Kemmis et al., 2014; Romeli & Alias, 2025). Proses reflektif ini menggalakkan guru berfikir secara kritikal terhadap keberkesanan pedagogi, seterusnya membina sikap profesionalisme yang proaktif, inovatif dan beretika.

Menurut *Competency Theory* oleh Spencer dan Spencer (1993), kualiti guru diukur melalui lima dimensi utama; pengetahuan, kemahiran, motif, sifat dan konsep sendiri yang bersama-sama menentukan prestasi unggul seseorang guru. Dalam konteks ini, pembudayaan kajian tindakan (KI-reflektif) berperanan sebagai mekanisme pengukuh kelima-lima dimensi kompetensi tersebut melalui amalan refleksi, kolaborasi profesional dan pelaksanaan *Quick Wins* yang memberi kesan segera kepada amalan PdP. Penegasan terhadap aspek reflektif ini juga sejajar dengan empat domain utama Standard Guru Malaysia 2.0 (SGM 2.0); pengetahuan profesional, amalan pedagogi, pembelajaran sepanjang hayat, dan tanggungjawab terhadap profesion (KPM, 2020). Kajian lepas turut menunjukkan bahawa guru yang aktif dalam kajian tindakan mempamerkan peningkatan dalam kesedaran reflektif, keyakinan pedagogi dan inovasi pengajaran (Saad & Hamzah, 2024; Siaw Hui & Sinja, 2024). Oleh itu, kualiti guru yang tinggi bukan sekadar hasil daripada bimbingan kepimpinan atau latihan formal, tetapi merupakan hasil langsung daripada sinergi antara pembudayaan kajian tindakan (KI-reflektif) dan komitmen guru terhadap refleksi profesional, yang bersama-sama membentuk ekosistem sekolah berasaskan pembelajaran berterusan.

### ***Teori dan Piawaian Pendidikan sebagai Asas Model Empirikal***

Model empirikal kajian ini dibina berasaskan integrasi antara teori antarabangsa dan piawaian pendidikan nasional bagi menjelaskan hubungan antara pembudayaan kajian tindakan oleh guru besar (KI-reflektif), komitmen guru terhadap kajian tindakan, dan kualiti guru sekolah rendah. *Kotter's Change Management Theory* (1996) menjelaskan bagaimana kepimpinan berwawasan dan strategi *Quick Wins* berfungsi sebagai pemangkin perubahan berterusan melalui kejayaan awal yang dapat meningkatkan motivasi dan kepercayaan dalam kalangan guru. Teori ini menjadi asas kepada konstruk pembudayaan kajian tindakan (KI-reflektif) kerana ia menekankan perubahan berasaskan tindakan kecil tetapi signifikan yang membawa kepada transformasi organisasi yang lebih besar. Dalam konteks sekolah, guru besar yang menerapkan prinsip *Quick Wins* mewujudkan suasana kepercayaan dan semangat kolaboratif, sekali gus menyemai budaya pembelajaran reflektif dalam kalangan warga sekolah.

Seterusnya, *Schon's Reflective Practice Theory* (1983) menegaskan bahawa refleksi dalam tindakan (*reflection-in-action*) dan refleksi selepas tindakan (*reflection-on-action*) merupakan asas kepada pembangunan profesional guru. Teori ini menyokong peranan KI-reflektif dalam mendorong guru

menilai, menganalisis dan menambah baik amalan PdP berasaskan data sebenar. Apabila pemimpin sekolah membudayakan kajian tindakan sebagai amalan profesional, ia bukan sahaja meningkatkan keberkesanan PdP tetapi juga membina komitmen guru terhadap perubahan berasaskan bukti. Dalam hal ini, refleksi menjadi penghubung utama antara pembelajaran individu dan pembelajaran organisasi.

Selain itu, *Allen and Meyer's Commitment Model* (1991) memberikan asas psikologi kepada pemboleh ubah pengantara, iaitu komitmen guru terhadap kajian tindakan. Model ini menegaskan bahawa komitmen afektif, berterusan dan normatif membentuk kesetiaan dan tanggungjawab profesional guru terhadap amalan reflektif mereka. Komitmen ini bertindak sebagai pemboleh ubah endogen pertengahan yang memainkan dua peranan penting: (i) sebagai pengantara yang menjelaskan bagaimana pembudayaan kajian tindakan (KI-reflektif) mempengaruhi kualiti guru, dan (ii) sebagai indikator kepada tahap motivasi dalaman guru dalam mengekalkan usaha penambahbaikan berterusan (Hair et al., 2021).

Akhir sekali, *Spencer and Spencer's Competency Theory* (1993) membentuk asas konstruk kualiti guru, yang diukur melalui lima dimensi kompetensi profesional; pengetahuan, kemahiran, motif, sifat, dan konsep sendiri. Kesemua dimensi ini mencerminkan hasil daripada pembelajaran reflektif yang digalakkan melalui kajian tindakan. Dalam konteks sistem pendidikan Malaysia, teori-teori global ini diintegrasikan dengan piawaian nasional seperti Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2, 2018) yang menilai keberkesanan kepimpinan pembelajaran, Kompetensi Pemimpin Sekolah Malaysia 2.0 (KOMPAS 2.0, 2019) yang menekankan kepimpinan reflektif dan kolaboratif sebagai teras kompetensi pemimpin sekolah, serta Standard Guru Malaysia 2.0 (SGM 2.0, 2021) yang memperkukuh tanggungjawab guru terhadap pembelajaran sepanjang hayat dan refleksi profesional.

## KAEDAH KAJIAN

### *Reka Bentuk Kajian*

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan berasaskan korelasi bagi menilai hubungan antara pembudayaan kajian tindakan oleh guru besar (KI-reflektif), komitmen guru terhadap kajian tindakan, dan kualiti guru sekolah rendah. Pendekatan ini membolehkan penilaian empirikal terhadap hubungan linear dan pengaruh langsung antara konstruk reflektif yang kompleks dalam populasi berskala besar, selaras dengan amalan penyelidikan pendidikan semasa (Hair et al., 2021). Reka bentuk ini juga sesuai untuk menjelaskan bagaimana amalan KI-reflektif; khususnya melalui inisiatif *Quick Wins* dapat meningkatkan komitmen guru terhadap kajian tindakan dan seterusnya memperkukuh kualiti guru. Pendekatan ini penting bagi memahami kesan kepimpinan berasaskan refleksi terhadap hasil profesional guru sebagaimana digariskan dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2), Kompetensi Pemimpin Sekolah Malaysia 2.0 (KOMPAS 2.0) dan Standard Guru Malaysia 2.0 (SGM 2.0).

### *Populasi dan Pensampelan*

Populasi kajian ini terdiri daripada guru sekolah rendah kebangsaan (SK) di seluruh Malaysia yang berkhidmat di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Kaedah pensampelan berstrata berperingkat digunakan bagi memastikan representasi geografi dan kategori sekolah yang seimbang. Pensampelan dilaksanakan dalam tiga peringkat utama: (i) pemilihan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), (ii) pemilihan sekolah, dan (iii) pemilihan guru melalui pensampelan rawak mudah di setiap sekolah. Kaedah ini bukan sahaja meningkatkan kebolehwakilan sampel, tetapi juga mengurangkan ralat pensampelan (Malik et al., 2022).

Sebanyak 481 responden sah diperoleh daripada 50 PPD melibatkan 50 sekolah rendah. Saiz sampel ini memenuhi syarat minimum *power analysis* (kuasa = 0.95;  $\alpha = 0.05$ ) dan mematuhi garis panduan *10-times rule* bagi analisis Partial Least Squares Structural Equation Modeling (PLS-SEM) (Hair et al.,

2021). Kaedah pensampelan ini juga membolehkan dapatan digeneralisasikan secara nasional untuk mengenal pasti pola kepimpinan instruksional reflektif yang mempengaruhi kualiti guru melalui pelaksanaan kajian tindakan di sekolah rendah.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian ini merupakan soal selidik berstruktur yang dibina berasaskan integrasi teori antarabangsa dan piawaian pendidikan nasional, selaras dengan objektif kajian untuk menilai pengaruh pembudayaan kajian tindakan oleh guru besar (KI-reflektif) terhadap komitmen dan kualiti guru. Pembentukan item berpaksikan beberapa teori utama: *Kotter's Change Management Theory* (1996) yang menekankan *Quick Wins* sebagai strategi perubahan efektif; *Schon's Reflective Practice Theory* (1983) yang menegaskan refleksi berterusan sebagai asas pembangunan profesional; *Allen and Meyer's Commitment Model* (1991) yang menjelaskan komitmen afektif, berterusan, dan normatif; serta *Spencer and Spencer's Competency Theory* (1993) yang menerangkan lima dimensi kompetensi guru. Penyesuaian konteks tempatan dilakukan berasaskan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2) (KPM, 2018), Kompetensi Pemimpin Sekolah Malaysia 2.0 (KOMPAS 2.0) (Institut Aminuddin Baki, 2019), dan Standard Guru Malaysia 2.0 (SGM 2.0) (KPM, 2021) bagi memastikan keselarasan dengan ekosistem pendidikan nasional. Soal selidik ini mengandungi 45 item akhir selepas melalui penilaian kesahan dan kebolehpercayaan secara berperingkat; analisis Rasch dan analisis *Confirmatory Factor Analysis* (CFA).

Pada peringkat kajian rintis, analisis Rasch melibatkan 107 guru mendapati semua item berada dalam julat *infit/outfit mean square* antara 0.69 hingga 0.97, menunjukkan fungsi skala dan kesahan konstruk yang baik. Item yang tidak sesuai telah digugurkan sebelum kajian sebenar dijalankan. Pada peringkat kajian utama, analisis *Confirmatory Factor Analysis* (CFA) menggunakan SmartPLS 4.1.1.2 menunjukkan semua item mempunyai nilai muatan faktor melebihi 0.60. Nilai *Composite Reliability* (CR) antara 0.805 hingga 0.946 dan *Average Variance Extracted* (AVE) melebihi 0.50, memenuhi kriteria kesahan konvergen (Hair et al., 2021). Nilai Heterotrait–Monotrait Ratio (HTMT) berada di bawah 0.90, mengesahkan kesahan diskriminan (Henseler et al., 2015), manakala nilai Cronbach's alpha melebihi 0.70 menunjukkan kebolehpercayaan dalaman yang tinggi (Linacre, 2022). Keseluruhan instrumen ini menggunakan skala Likert lima mata (1 = sangat tidak setuju hingga 5 = sangat setuju), bagi membolehkan responden menilai tahap pelaksanaan kepimpinan instruksional, komitmen terhadap kajian tindakan dan persepsi terhadap kualiti guru dengan tepat. Struktur dan penilaian ini membolehkan dapatan empirikal diperoleh secara sistematik bagi mengesahkan model konseptual yang menghubungkan kepimpinan reflektif berasaskan *Quick Wins* dengan peningkatan kualiti guru seperti yang disokong oleh hasil analisis model struktur (PLS-SEM) dalam kajian ini.

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **Analisis Regresi Berganda**

Analisis regresi berganda digunakan untuk mengenal pasti pengaruh lima dimensi pembudayaan kajian tindakan oleh guru besar (KI-reflektif) terhadap kualiti guru di sekolah rendah. Jadual 1 menunjukkan bahawa hanya dimensi Inisiatif *Quick Wins* memberikan pengaruh positif yang signifikan terhadap kualiti guru ( $\beta = 0.353$ ,  $t = 3.610$ ,  $p < 0.001$ ). Nilai *Variance Inflation Factor* (VIF = 6.146) menunjukkan tahap kolineariti yang masih boleh diterima (Hair et al., 2019). Dimensi lain seperti berurusan, instruksional, sumber operasi dan kerjasama profesional tidak menunjukkan kesan yang signifikan ( $p > 0.05$ ).

Keputusan di Jadual 1 menunjukkan bahawa inisiatif *Quick Wins*, iaitu tindakan pantas dan kejayaan awal yang dapat dilihat hasilnya memainkan peranan penting dalam meningkatkan kualiti guru. Kejayaan awal dalam pelaksanaan kajian tindakan memberi dorongan motivasi dan meningkatkan keyakinan guru untuk meneruskan pembelajaran reflektif dalam pengajaran mereka. Dapatan ini

menyokong pandangan Kotter (1996) bahawa *short-term wins* merupakan langkah kritikal dalam memastikan perubahan organisasi berterusan. Dalam konteks sekolah, *Quick Wins* bertindak sebagai pencetus keyakinan dan bukti konkrit bahawa pembudayaan kajian tindakan (KI-reflektif) mampu menghasilkan impak segera terhadap kualiti profesional guru.

#### Jadual 1.

*Analisis Regresi Berganda: Pengaruh Dimensi Pembudayaan Kajian Tindakan oleh Guru Besar (KI-reflektif) terhadap Kualiti Guru*

| Dimensi Kajian reflektif)   | Pembudayaan Tindakan (KI-) | Koefisien Standard ( $\beta$ ) | Nilai-t | Nilai-p | VIF   | Interpretasi     |
|-----------------------------|----------------------------|--------------------------------|---------|---------|-------|------------------|
| Berwawasan                  |                            | 0.086                          | 1.064   | 0.228   | 4.228 | Tidak signifikan |
| Instruksional               |                            | 0.048                          | 0.538   | 0.591   | 5.166 | Tidak signifikan |
| Sumber Operasi & Sekolah    | Iklm                       | -0.069                         | -0.883  | 0.378   | 3.874 | Tidak signifikan |
| Kerjasama Profesional       |                            | 0.105                          | 0.917   | 0.359   | 8.465 | Tidak signifikan |
| Inisiatif <i>Quick Wins</i> |                            | 0.353                          | 3.610   | <0.001  | 6.145 | Signifikan       |

#### Analisis Model Struktur (PLS-SEM)

Bagi menilai kekuatan hubungan langsung antara konstruk pembudayaan kajian tindakan oleh guru besar (KI-reflektif) dan kualiti guru, analisis *Partial Least Squares Structural Equation Modeling (PLS-SEM)* telah dijalankan menggunakan perisian SmartPLS versi 4.1.1.2 Hasil analisis seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2 mendapati bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara kedua-dua konstruk, dengan nilai pekali laluan  $\beta = 0.129$ ,  $t = 3.294$ , dan  $p < 0.001$ . Walaupun nilai pekali laluan menunjukkan kesan yang kecil, hubungan ini signifikan secara statistik, menandakan bahawa semakin tinggi tahap pembudayaan kajian tindakan oleh guru besar (KI-reflektif), semakin meningkat juga tahap kualiti guru di sekolah rendah. Nilai  $R^2 = 0.226$  menunjukkan bahawa 22.6% variasi dalam kualiti guru dapat dijelaskan oleh pembudayaan kajian tindakan. Menurut garis panduan Hair et al. (2021), nilai  $R^2$  ini menunjukkan tahap keupayaan penerangan yang sederhana, sesuai dengan konteks kajian sosial dan pendidikan yang melibatkan pelbagai faktor pengaruh.

Selain itu, nilai saiz kesan ( $f^2 = 0.050$ ) menunjukkan kesan kecil tetapi bermakna, yang menggambarkan bahawa pembudayaan kajian tindakan oleh guru besar (KI-reflektif) masih memainkan peranan penting sebagai pemangkin awal terhadap perubahan profesional guru. Keputusan ini sejajar dengan teori Kotter (1996) yang menegaskan bahawa perubahan organisasi perlu digerakkan melalui kejayaan kecil yang konsisten, serta pandangan Schon (1983) bahawa tindakan reflektif berulang menghasilkan pertumbuhan profesional berterusan.

#### Jadual 2.

*Analisis Model Struktur (PLS-SEM): Hubungan antara Pembudayaan Kajian Tindakan oleh Guru Besar (KI-reflektif) dan Kualiti Guru*

| Hubungan                    | Beta ( $\beta$ ) | Nilai-t | Nilai-p | VIF   | Saiz Kesan ( $f^2$ ) | $R^2$             |
|-----------------------------|------------------|---------|---------|-------|----------------------|-------------------|
| KI-reflektif → kualiti guru | 0.129            | 3.294   | <0.001  | 1.292 | 0.050 (kecil)        | 0.226 (sederhana) |


*Nota.* KI-reflektif= konstruk pembudayaan kajian tindakan oleh guru besar

Rajah 1 menunjukkan model empirikal yang menghubungkan pembudayaan kajian tindakan oleh guru besar (KI-reflektif) dengan kualiti guru melalui laluan signifikan ( $\beta = 0.129$ ,  $p < 0.001$ ), di mana nilai  $R^2 = 0.226$  menandakan 22.6% variasi kualiti guru dapat dijelaskan oleh tahap pembudayaan kajian tindakan. Secara konseptual, hubungan ini mengesahkan bahawa pemimpin sekolah yang mengamalkan

KI-reflektif berasaskan bimbingan pedagogi, pemantauan berasaskan data, dan pengiktirafan kejayaan awal (Quick Wins) dapat memupuk budaya profesional guru yang reflektif dan kolaboratif. Dapatan ini bukan sahaja sejajar dengan *Teori Pengurusan Perubahan* (Kotter, 1996) dan *Teori Reflektif* (Schon, 1983), tetapi turut memperkukuh aspirasi nasional yang digariskan dalam SKPMg2, KOMPAS 2.0, dan SGM 2.0, yang menekankan kepimpinan pembelajaran reflektif dan pembangunan kompetensi guru berasaskan bukti sebagai asas peningkatan kualiti pendidikan.

#### Rajah 1.

*Model Empirikal Hubungan antara Pembudayaan Kajian Tindakan oleh Guru Besar (KI-reflektif) dan Kualiti Guru*



#### PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI

Dapatan kajian ini mengesahkan bahawa dimensi Inisiatif *Quick Wins* dalam pembudayaan kajian tindakan oleh guru besar (KI-reflektif) merupakan faktor paling berpengaruh terhadap kualiti guru sekolah rendah. Hubungan signifikan ini memperkukuh teori bahawa kejayaan awal hasil tindakan reflektif memberi impak positif terhadap motivasi, kepercayaan, dan keyakinan profesional guru. Keputusan ini menyokong *Kotter's Change Management Theory* (1996), yang menegaskan bahawa pencapaian awal (*short-term wins*) ialah pemacu utama perubahan organisasi kerana ia mencipta momentum dan keyakinan kolektif untuk meneruskan transformasi yang lebih besar. Dalam konteks ini, *Quick Wins* bukan sekadar kejayaan segera tetapi strategi reflektif yang berfungsi sebagai bukti awal keberkesanan tindakan guru dalam kajian tindakan, sekaligus mengukuhkan kepercayaan mereka terhadap nilai pembelajaran berasaskan refleksi.

Dalam kerangka *Schon's Reflective Practice Theory* (1983), dapatan ini menegaskan bahawa pembelajaran profesional yang berkesan berlaku melalui dua proses refleksi; *reflection-in-action* dan *reflection-on-action*. *Quick Wins* berperanan sebagai manifestasi konkrit refleksi ini, di mana guru menilai semula tindakan semasa dan selepas pelaksanaan kajian tindakan berdasarkan hasil yang diperoleh. Proses ini bukan sahaja membina kesedaran reflektif, tetapi juga memperkukuh keupayaan guru untuk menyesuaikan amalan PdP secara berterusan berdasarkan bukti empirikal. Guru besar yang membimbing proses ini secara sistematik membantu mewujudkan persekitaran pembelajaran reflektif yang menekankan penambahbaikan berasaskan data dan dialog profesional. Ini menunjukkan bahawa KI-reflektif berasaskan *Quick Wins* mampu menghubungkan teori perubahan Kotter dan teori refleksi Schon dalam konteks sebenar amalan kepimpinan sekolah.

Dalam konteks dasar pendidikan, dapatan ini selaras dengan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2) yang menegaskan kepimpinan pembelajaran sebagai Standard 2. *Quick Wins* menzahirkan pelaksanaan Standard 2 melalui pemantauan berasaskan bukti, bimbingan reflektif, dan penilaian kualiti PdP yang berterusan. Setiap kejayaan kecil dalam PdP atau penyelidikan tindakan yang diiktiraf oleh pemimpin sekolah berpotensi meningkatkan komitmen guru terhadap amalan reflektif. Ini sejajar dengan prinsip *school as a learning organisation* dalam SKPMg2, di mana pembelajaran profesional berlaku secara kolaboratif, berasaskan data dan penambahbaikan berterusan.

Dalam kerangka Kompetensi Pemimpin Sekolah Malaysia 2.0 (KOMPAS 2.0), *Quick Wins* mencerminkan kecekapan kepimpinan reflektif dan strategik, iaitu kebolehan guru besar bertindak pantas menggunakan data, menilai impak intervensi, dan melaras strategi kepimpinan dengan berkesan. Pemimpin sekolah yang berorientasikan *Quick Wins* bukan sahaja berupaya memimpin perubahan secara berperingkat, tetapi turut menjadi model pembelajaran reflektif kepada guru. Strategi ini memperkukuh dua domain utama KOMPAS 2.0; *Thinking and Acting Strategically* serta *Building Learning Culture* yang menjadi asas kepada kepimpinan berimpak tinggi. Maka, *Quick Wins* bukan sekadar alat perubahan, tetapi mekanisme kepimpinan reflektif yang mempercepatkan pembudayaan kajian tindakan dalam ekosistem sekolah.

Sementara itu, dalam konteks Standard Guru Malaysia 2.0 (SGM 2.0), dapatan ini menunjukkan bahawa *Quick Wins* memberi kesan langsung kepada peningkatan tiga domain kompetensi guru: pengetahuan profesional, amalan pedagogi, dan pembangunan sendiri berterusan. Pencapaian awal hasil daripada tindakan reflektif meningkatkan keyakinan dan kecekapan guru dalam merancang serta menilai amalan PdP mereka. Menurut *Spencer and Spencer's Competency Theory* (1993), kecekapan guru terbina apabila terdapat motivasi dalaman yang berterusan untuk memperbaiki amalan. Dalam konteks ini, *Quick Wins* berfungsi sebagai pemangkin motivasi intrinsik yang mendorong guru memperbaharui kemahiran, meningkatkan kreativiti PdP dan memperkukuh akauntabiliti profesional.

Dari segi implikasi amalan, hasil kajian ini menegaskan keperluan untuk menginstitusikan strategi *Quick Wins* sebagai sebahagian daripada amalan kepimpinan reflektif di sekolah. Guru besar perlu dilatih melalui program pembangunan kepimpinan di bawah Institut Aminuddin Baki (IAB) untuk mengenal pasti, merancang, dan menilai *Quick Wins* yang relevan dengan konteks sekolah seperti peningkatan hasil PdP, keberkesanan intervensi guru, atau kejayaan reflektif dalam kajian tindakan. Kejayaan awal ini wajar direkod, dikongsi dan dirayakan sebagai bukti pembelajaran profesional dan sebagai alat pengiktirafan motivasi dalam komuniti sekolah.

Selain itu, pendekatan *Quick Wins* perlu diintegrasikan secara formal ke dalam Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan (MyPPB) di bawah SGM 2.0 sebagai indikator hasil pembelajaran reflektif guru. Apabila kejayaan awal diiktiraf secara sistematik dalam sistem penilaian dan pelaporan, guru akan lebih terdorong untuk memperluas amalan refleksi dan penyelidikan tindakan ke tahap yang lebih kompleks. Pendekatan ini bukan sahaja memperkukuh budaya kolaboratif dan kebertanggungjawaban profesional dalam kalangan guru, tetapi juga menepati hasrat PPPM 2013–2025 untuk menjadikan sekolah sebagai organisasi pembelajaran yang adaptif, reflektif dan inovatif.

## KESIMPULAN DAN CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Kajian ini membuktikan bahawa pembudayaan kajian tindakan oleh guru besar (KI-reflektif) berperanan penting dalam memperkukuh kualiti guru sekolah rendah, khususnya melalui dimensi *Inisiatif Quick Wins* yang memberi kesan positif signifikan terhadap peningkatan profesionalisme guru ( $\beta = 0.129$ ,  $R^2 = 0.226$ ). Dapatan ini menyokong Teori Pengurusan Perubahan Kotter (1996) dan Teori Reflektif Schön (1983) yang menegaskan bahawa kejayaan awal hasil refleksi tindakan dapat mengekalkan momentum perubahan dan meningkatkan keyakinan profesional. Secara teori, *Quick Wins* berfungsi sebagai

pemangkin refleksi yang menghubungkan kepimpinan reflektif dengan komitmen guru terhadap pembangunan profesional berterusan.

Dari perspektif dasar, dapatan ini menegaskan kesepadanan dengan SKPMg2, KOMPAS 2.0, dan SGM 2.0 yang menjadikan kepimpinan pembelajaran reflektif dan kualiti guru sebagai teras utama kecemerlangan sekolah. Dalam SKPMg2, *Quick Wins* mencerminkan pemantauan berasaskan bukti dan bimbingan reflektif; dalam KOMPAS 2.0, ia menggambarkan kompetensi kepimpinan strategik dan reflektif; manakala dalam SGM 2.0, ia memperkukuh domain pengetahuan profesional, amalan pedagogi dan tanggungjawab profesional guru. Secara keseluruhan, pembudayaan kajian tindakan melalui *Quick Wins* menjadikan sekolah sebagai organisasi pembelajaran berasaskan bukti dan refleksi.

Berdasarkan dapatan ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Institut Aminuddin Baki (IAB) disarankan untuk menginstitusikan strategi *Quick Wins* dalam latihan kepimpinan sekolah, penilaian SKPMg2, dan sistem MyPPB sebagai indikator pembelajaran reflektif guru. Setiap kejayaan awal hasil kajian tindakan perlu direkod, dikongsi dan diraikan sebagai bukti penambahbaikan berterusan. Kajian lanjutan disarankan untuk menilai keberkesanan jangka panjang amalan *Quick Wins* melalui pendekatan longitudinal atau *mixed methods*, serta memperluas konteks kepada sekolah menengah bagi menilai kebolegunaan model ini. Secara keseluruhan, KI-reflektif berasaskan *Quick Wins* mampu membentuk budaya profesional guru yang reflektif, kolaboratif dan mampan, selaras dengan aspirasi PPPM 2013–2025 ke arah sistem pendidikan berimpak tinggi.

## RUJUKAN

- Ahmad, S. and Hamid, A. (2021). Amalan kepimpinan distributif guru besar terhadap efikasi sendiri dalam kalangan guru prasekolah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(1), 140-150. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i1.609>
- Allen, N. J., & Meyer, J. P. (1991). A three-component conceptualization of organizational commitment. *Human Resource Management Review*, 1(1), 61–89. [https://doi.org/10.1016/1053-4822\(91\)90011-Z](https://doi.org/10.1016/1053-4822(91)90011-Z)
- Darling-Hammond, L. (2017a). Effective teacher professional development. *The Future of Children*, 27(1), 101-122. <https://doi.org/10.1353/foc.2017.0005>
- Gonzalez Roma, V., Hernandez, A., Ferreres, A., Zurriaga, R., Yeves, J., & Gonzalez-Navarro, P. (2022). *Linking teacher-student relationship quality and student group performance: A mediation model*. *Current Psychology*. <https://doi.org/10.1007/s12144-022-03206-8>
- Hair, J. F., Hult, G. T. M., Ringle, C. M., Sarstedt, M., Danks, N. P., & Ray, S. (2021). An introduction to structural equation modeling. In *Partial least squares structural equation modeling (PLS-SEM) using R* (pp. 1–24). Springer. [https://doi.org/10.1007/978-3-030-80519-7\\_1](https://doi.org/10.1007/978-3-030-80519-7_1)
- Hallinger, P., & Murphy, J. (1985). Assessing the instructional management behavior of principals. *The Elementary School Journal*, 86(2), 217–247. <https://doi.org/10.1086/461445>
- Hallinger, P., Wang, W., & Chen, C. (2013). Assessing the measurement properties of the principal instructional management rating scale. *Educational Administration Quarterly*, 49(2), 272-309. <https://doi.org/10.1177/0013161x12468149>
- Henseler, J., Ringle, C. M., & Sarstedt, M. (2015). A new criterion for assessing discriminant validity in variance-based structural equation modeling. *Journal of the Academy of Marketing Science*, 43(1), 115-135. <https://doi.org/10.1007/s11747-014-0403-8>
- Institut Aminuddin Baki. (2019). *Kompetensi Pemimpin Sekolah Malaysia (KOMPAS 2.0)*. Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025*. KPM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2)*. KPM.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). *Standard Guru Malaysia 2.0 (SGM 2.0)*. Bahagian Pendidikan Guru.
- Kotter, J. P. (1996). *Leading change*. Harvard Business School Press.
- Lang, A. and Noor, M. (2024). Gaya kepimpinan demokratik pentadbir sekolah dan hubungannya dengan kerja berintegriti dalam kalangan guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 9(2), e002686. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i2.2686>
- Leong, W. and Hamid, A. (2023). Amalan kepimpinan teknologi guru besar dan hubungannya dengan komitmen guru program transformasi sekolah 2025 (ts25). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(3), e002184. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i3.2184>
- Linacre, J. M. (2022). *Winsteps® Rasch measurement computer program user's guide (Version 5.2.5)*. Winsteps.com.
- Malik, M., Malik, M., Sobri, N., Suhaimin, M., Razak, N., Nafi, M., ... & Zulkifli, S. (2022). Kesan kelesuan akademik terhadap pencapaian skolastik di peringkat pendidikan tinggi. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(11), e001866. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1866>
- Ni, S. and Hamzah, M. (2023). Amalan kepimpinan transformasional pengetua dan hubungannya dengan komitmen guru di sekolah menengah daerah Subis, Sarawak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(4), e002269. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i4.2269>
- Poh, L. and Kin, T. (2021). Kepimpinan teragih di sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan Cina di Semenanjung Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(4), 79-93. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i4.746>
- Pratami, N. and Muryatini, N. (2022). Pengaruh dukungan organisasi terhadap kepuasan kerja dan komitmen organisasi di SD Taman Rama Jimbaran. *Widya Manajemen*, 4(1), 77-87. <https://doi.org/10.32795/widyamanajemen.v4i1.2169>
- Rahman, A. (2021). Amalan kepimpinan instruksional dalam menjana pengetahuan teknologi pedagogi kandungan (PTPK) di kalangan guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(11), 148-158. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i11.1158>
- Romeli, N. S. B. and Alias, B. S. B. (2025). Kepimpinan instruksional pemimpin sekolah: Cabaran dan strategi. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 10(4), e003134. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v10i4.3134>
- Schon, D. A. (1983). *The reflective practitioner: How professionals think in action*. Basic Books.
- Siaw Hui, K. & Sinja Anak Brayon Mathew, S. (2024). Action research and primary school teachers in malaysia: A teacher professional development programme. *International Research Journal of Education and Sciences (IRJES)*, 8(1), 1–10.
- Spencer, L. M., & Spencer, S. M. (1993). *Competence at work: Models for superior performance*. John Wiley & Sons.
- Unyit, A. and Hamzah, M. (2023). Amalan kepimpinan instruksional guru besar dengan komitmen guru sekolah rendah di daerah Kapit. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(4), e002161. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i4.2161>
- Wan, L., Wahab, J., & Othman, N. (2023). Kepimpinan instruksional guru besar SJKC dan komitmen guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(1), e002072. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i1.2072>
- Zuber-Skerritt, O. (2015). *Participatory action learning and action research (PALAR): Theory, practice, and applications*. Routledge.